

<b>Headline</b>	<b>Peladang sawit haram musnahkan pokok sagu, nipah</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Kosmo</b>		
<b>Date</b>	<b>13 Feb 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Full Color</b>
<b>Section</b>	<b>Negara</b>	<b>Circulation</b>	<b>197,202</b>
<b>Page No</b>	<b>3</b>	<b>Readership</b>	<b>875,000</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>233 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>SUHANA MD. YUSOP</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 6,070</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 18,210</b>



## Peladang sawit haram musnahkan pokok sagu, nipah

Oleh SUHANA MD. YUSOP

**SHAH ALAM** – Perbuatan pemilik ladang kelip-sawit haram menebang pokok sagu dan nipah yang merupakan habitat dan sumber makanaan sifut kecil di tebing Sungai Selangor menyebabkan haiwan tersebut semakin pupus sekali gus menjelaskan kelangsun-gan hidup kelip-kelip di Kampung Kuantan di Kuala Selangor.

Pegawai Daerah Kuala Selangor, Shamsul Shahril Badliza Mohd. Noor berkata, kepususan sifut kecil itu mengancam kelip-kelip di Kampung Kuantan kerana ia merupakan makanaan larva serangga berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, satu Jawatankuasa Pemuliharaan Kelip-kelip yang turut dianggotainya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Lembaga Urus Air Selangor telah ditubuhkan bagi memastikan habitat tersebut terus terpelihara.

"Pokok sagu dan nipah merupakan tempat pembiakan sifut. Apabila pokok ini ditebang, maka larva kelip-kelip juga tidak sumber makanaan menyebabkan ia mati.

"Walaupun banyak tindakan diam-bil namun pembukaan ladang kelapa sawit secara haram masih berlaku.

"Justeru, kita akan mengambil tindakan proaktif dengan merancang pokok sagu dan nipah di tebing sun-

gai tersebut dalam masa tersebut. "Bagaimanapun, kita sedang menunggu kelulusan peruntukan daripada kerajaan negeri," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dalam pada itu, Shamsul berka-ta, kerja-kerja mengorek pasir itu dilakukan bertujuan mendalamkan Sungai Selangor bagi mengurangkan risiko banjir yang dihadapi dua kampung berhampiran iaitu Kam-pung Pasangan dan Tanjung Siam.

"Bagaimanapun, ia tidak menjasakan habitat kelip-kelip kerana kerja-kerja ini dijalankan lima kilo-meter dari sempadan Zon Perlindungan Kelip-kelip. Jika dilihat pokok berembang juga masih banyak di tepi sungai tersebut," dakwanya.



KEMUSNAHAN pokok nipah yang merupakan makanaan sifut boleh menyebabkan haiwan itu pupus dan seterusnya memberi kesan kepada kelip-kelip.